



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

“PERKHIDMATAN KAUNSELING PROFESIONAL PEMANGKIN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT” TEMA BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2018

PUTRAJAYA, 1 OKTOBER - “Perkhidmatan Kaunseling Profesional Pemangkin Kesejahteraan Masyarakat” telah dipilih sebagai tema Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan (BKK) Tahun 2018. Tema ini dipilih selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kewujudan kaunselor dan kepentingan perkhidmatan kaunseling profesional dalam masyarakat. Majlis Pelancaran BKK ini telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang perkhidmatan kaunseling profesional sebagai sokongan dalam masyarakat. Pada masa kini, masyarakat berdepan dengan pelbagai krisis disebabkan oleh cabaran industrialisasi dan modenisasi terutamanya krisis dalam keluarga seperti masalah penceraian, hamil luar nikah, penderaan dari segi emosi, fizikal dan seksual, pengabaian dan sebagainya.

YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail dalam ucapan perasmiannya berkata “Sehingga 31 Ogos 2018, **terdapat seramai 8,039 orang kaunselor yang telah berdaftar dengan Lembaga Kaunselor**. Ini bermakna, pada masa ini terdapat seorang kaunselor bagi setiap 4,030 orang penduduk Malaysia. Oleh itu, saya menyeru agar setiap kaunselor hendaklah berdaftar dengan Lembaga Kaunselor dan meningkatkan kemahiran melalui Program Pembelajaran Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development* (CPD)) supaya lebih ramai rakyat dapat menikmati capaian kepada perkhidmatan kaunseling ini.”

Pada hari ini, Lembaga Kaunselor telah mewujudkan Tabung Ehsan Waris Kaunselor Berdaftar bagi menghargai Kaunselor Berdaftar yang meninggal dunia. Tabung ini disediakan kepada kaunselor-kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor untuk menjaga kebajikan waris kaunselor yang masih ada. Ini adalah sebagai menghargai sumbangan kaunselor kepada masyarakat semasa mereka masih hidup, ujar beliau lagi.

Dalam majlis yang sama turut diadakan Pelancaran **Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan** yang boleh dijadikan panduan untuk mengendalikan isu dalam keluarga seperti penderaan, keganasan rumah tangga, penceraian, pengabaian dan sebagainya. Selain itu, ianya juga dapat membantu Kaunselor Berdaftar untuk memberikan perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada masyarakat. Majlis yang berkonsepkan konvensyen ini telah berjaya mengumpul seramai 500 lebih orang Kaunselor Berdaftar daripada pelbagai *setting* pekerjaan seluruh negara.

Majlis turut dihadiri oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Prof Madya Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar, Presiden Lembaga Kaunselor, pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan agensi serta warga kementerian.

###

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

PUTRAJAYA

Tel: 03-8323 1088

Email: info@kpwkm.gov.my